

## **PINDAAN TERMA DAN SYARAT DOKUMEN PENGGUNA KEWANGAN MBSB BANK**

Para Pelanggan Yang Dihormati,

Kami, MBSB Bank Berhad (“MBSB Bank”), telah meminda terma dan syarat pada Dokumen Pengguna Kewangan (“Dokumen”) bagi memastikan ianya adil dan mudah difahami oleh pelanggan kami.

Perubahan ini berkuatkuasa pada 6 November 2020.

Terma dan syarat bagi Dokumen tersebut telah dipinda selaras dengan prinsip layanan adil terhadap pelanggan kami.

Antara pindaan utama adalah seperti berikut:

<b>Klausa</b>	<b>Pindaan</b>
Hak Budi Bicara MBSB Bank	MBSB Bank tidak lagi mempunyai budi bicara mutlak dan/atau hak untuk membuat keputusan tertentu.
Variasi Terma dan Syarat	MBSB Bank akan memaklumkan kepada pelanggan sebarang perubahan pada terma dan syarat Pembiayaan selewat-lewatnya 21 hari sebelum tarikh berkuatkuasa.
Kajian semula terma-terma	MBSB Bank boleh mengkaji semula terma dan syarat dari semasa ke semasa. MBSB Bank akan memaklumkan kepada pelanggan selewat-lewatnya 21 hari sebelum tarikh berkuatkuasa sebarang perubahan atau pembatalan kemudahan.
Kos yang dibelanjakan oleh MBSB Bank	MBSB Bank tidak boleh menuntut kos yang dibelanjakan untuk melawat, memeriksa atau membuat laporan ke atas premis/hartanah/cagaran daripada pelanggan.
Pendedahan Maklumat Kepada Pihak Ketiga	Pelanggan boleh pada bila-bila masa menarik balik kebenaran untuk pendedahkan maklumat kepada pihak ketiga yang diberi kuasa bagi tujuan pemasaran produk dan perkhidmatan MBSB Bank dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari bekerja sebelumnya kepada MBSB Bank.
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010	MBSB Bank akan mendapat kebenaran pelanggan untuk memberi maklumat kepada pihak ketiga yang diberi kuasa bagi tujuan pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan MBSB Bank.

Di dalam usaha kami untuk menegakkan prinsip keadilan, kami ingin memaklumkan bahawa pindaan terma dan syarat di atas adalah sebahagian dari usaha proaktif MBSB Bank semenjak November 2019 untuk tidak menguatkuasakan sebarang terma dan syarat yang tidak adil di dalam semua perjanjian kami dengan pelanggan yang dihargai. (Nota: Untuk

perjanjian hartanah, pindaan kepada sebarang terma and syarat yang tidak adil telah dilakukan semenjak 28 August 2019).

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila kunjungi cawangan MBSB Bank yang berhampiran atau hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2096 3000 antara jam 9.00 pagi sehingga 6.00 petang pada hari bekerja (kecuali Cuti Umum) atau e-mel di [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com)

Terima kasih.

---

Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.